



JKSM /100-24/5 Jld. 3 (58)

13 Rabiulawwal, 1427H/
12 April, 2006M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah Syariah / Jabatan Kehakiman Syariah,
Negeri-negeri Seluruh Malaysia

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2006
Pengesahan Perceraian Lafaz Taklik Selain Taklik Surat Perakuan Nikah
Dan Efek Penalti Di Bawah Seksyen 124 Undang-Undang Keluarga Islam

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A. kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia Tahun 2006 pada 12 hingga 14 April, 2006 bersamaan 13 hingga 15 Rabiulawwal, 1427H di Shah Alam, Selangor yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan bahawa prosiding kes pengesahan Perceraian Lafaz Taklik Selain Taklik Surat Perakuan Nikah tidak boleh dijadikan efek kepada tindakan penalti di bawah seksyen 124/125 – Penalti Perceraian di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah di bawah Akta/Enakmen/Ordinan Undang-Undang Keluarga Islam .

Arahan Amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Jun, 2006.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(DATUK SHEIKH GHAZALI BIN HJ. AB. RAHMAN)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie,
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

azmee/aa8/2006